

Headline **Pendandan rambut L'oreal Malaysia bantu kanak-kanak HIV**
Date **16 Feb 2011**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Hip**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **329 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **14,494**
PRValue **43,482**



Pendandan rambut **L'Oreal Malaysia** bantu kanak-kanak HIV

SELEBRITI terkenal, Jessica Simpson memiliki beberapa sahabat karib dan seorang daripadanya adalah pendandan rambutnya sendiri iaitu Ken Paves.

Akui Pengarah Komunikasi Korporat L'Oreal Malaysia, Tay Ai Leen, pelanggan sentiasa menceritakan masalah, kegembiraan, keinginan atau ketakutan dialami bersama pendandan rambut mereka.

Katanya, apabila hubungan berlandaskan kepercayaan wujud antara kedua-dua pihak, pendandan rambut boleh memainkan peranan untuk memaklumkan serta mendidik 'rakan' mereka itu mengenai isu sosial semasa.

"Atas kesedaran itu, L'Oreal Profesional berasaskan kempen Pendandan Rambut Menentang AIDS menjadi kaedah terbaik bagi mendidik orang ramai mengenai bahaya HIV/AIDS.

"Ini juga masanya pendandan rambut diberikan kuasa untuk bercakap mengenai AIDS, dengan harapan, suatu hari nanti kita boleh berhenti berbicara mengenai penya-

kit itu," katanya pada sidang media pemberian cek sumbangan daripada L'Oreal Malaysia kepada Yayasan AIDS Malaysia. Hadir sama, Penaung Prihatin, Datuk Dr Ghazali Hasmi Md Hassan.

Pada majlis itu, sumbangan sebanyak RM30,000 berjaya dikutip melalui kempen bermula sejak 1 Disember tahun lalu, diserahkan kepada rumah perlindungan Nur Siti Seliaan Prihatin, terletak di

Kota Bharu, Kelantan.

Kata Ai Leen, kempen bermula dengan khidmat menggingting rambut kakitangan L'Oreal pada 1 Disember sempena Hari AIDS Sedunia di Sense Studio, Damansara Uptown, yang mana setiap potongan dikenakan caj RM10 dan disalurkan terus kepada yayasan.

Sepanjang Disember itu juga, salun terpilih mendermakan RM5 daripada bayaran

Headline	Pendandan rambut L'oreal Malaysia bantu kanak-kanak HIV	Language	Malay
Date	16 Feb 2011	Page No	23
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	329 cm²
Section	Hip	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	14,494
Frequency	Daily	PRValue	43,482
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

diterima setiap pengunjung untuk disalurkan kepada tabung yayasan.

Ketika berucap, Setiausaha Kehormat Yayasan AIDS Malaysia, Datin Mina Cheah-Foong turut melahirkan rasa bangga dengan usaha dilakukan L'Oreal Malaysia dan diharap program seperti itu dapat membantu kehidupan wanita dan kanak-kanak terjejas HIV di Kelantan.

"Hasil sumbangan ini dapat membantu kami menyediakan kelengkapan komputer, taman

permainan, perpustakaan dan juga ruang untuk melatih kemahiran mereka. Ini adalah tambahan untuk fizikal dan pembangunan minda mereka," katanya.

Sehingga ini, rumah perlindungan Nur Siti menampung kira-kira 20 kanak-kanak HIV berusia tujuh hingga 12 tahun, selain ibu tunggal dan anak yatim.

“Ini juga masanya pendandan rambut

diberikan kuasa untuk bercakap mengenai AIDS, dengan harapan, suatu hari nanti kita boleh berhenti berbicara mengenai penyakit itu”

Tay Ai Leen
Pegawai Komunikasi Korporat L'Oreal Malaysia



DARI kiri; Dr Ghazali, Mina Cheah Fong, Nicole Low dan Ai Leen pada majlis penyerahan cek L'Oreal.

NUR ADIBAH AHMAD IZAM | BERITA HARIAN